

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2022
AKHBAR : UTUSAN
MUKA SURAT : 36

NCIA wujud Zon Ekonomi AgriBio

NCIA wujud Zon Ekonomi AgriBio

PETALING JAYA: Pihak Berkua-sa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mewujudkan Zon Ekonomi AgriBio NCEA AgriBio (NAEZ) dalam usaha memoden dan menambah nilai agro ma-kanan negara serta mengurang-kan kebergantungan kepada makanan import.

NAEZ diunjurkan akan da-pat menarik pelaburan melebih RM2.5 bilion dan mencipta lebih 2,000 peluang pekerjaan.

Projek merupakan respons NCIA terhadap Dasar Agromakanan Negara (NAP) yang bertujuan untuk memacu kecekapan industri agromakanan terutamanya daripada segi memacu produktiviti serta daya saing di seluruh rantai nilai industri.

Inisiatif agen perubahan (game-changer) ini dilaksana-kan dengan pendekatan yang holistik menggabungkan rantaian nilai hujung ke hujung ber-sepadu, disokong oleh pelbagai kemudahan dan penyediaan seperti teknologi, penyelidikan + dan pembangunan serta komer-sial (R&D&C), modal insan dan pembiayaan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, NAEZ akan memainkan peranan pen-



AZLAN Man mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri NCIA di Kangar, semalam.

ting berikutnya kedudukan strategik Perlis yang berhampiran sempadan Thailand dan ber-potensi menarik pelabur untuk mewujudkan pemangkin utama pertumbuhan ekonomi bagi membangunkan teknologi tinggi dalam sektor agromakanan.

"Perdagangan rentas sem- padan dan kerjasama ini akan

menyediakan negara untuk be-ralih daripada negara yang ber-gantung kepada import kepada pengeksport bersih untuk beka-lan makanan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri (JPN) di Kangar, semalam.

Sementara itu, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader

Sultan berkata, NCIA akan me-nyediakan kapakan dan peng-etauan yang diperlukan untuk membangunkan NAEZ sebagai hab serantau untuk pertanian moden yang dapat menghasil-kan lebih banyak hasil di masa hadapan.

"Ketika dunia bergelut den- gan ketidaktentuan akibat krisis

makanan, ini juga merupakan satu peluang untuk mengubah industri pertanian Malaysia dengan menghubungkan petan dan pekebun kecil dengan in-dustri pertanian yang lebih besar bagi meningkatkan hasil dan akses pasaran negara. NCIA akan membantu dalam hal ini," katanya.

Menurut NCIA, pelabur uta-ma NAEZ, FGV Holdings Berhad (FGV) telah mengumumkan komitmennya untuk mewujudkan hab penanaman jagung berskala besar di Lembah Agro Chuping (CAV), Perlis.

Jelasnya, penanaman jagung secara besar-besaran itu dijang-ka dapat mengurangkan pergantungan hasil jagung import yang menjadi faktor ketidakstabilan harga bekalan ayam disebabkan oleh krisis yang berterusan antara Russia dan Ukraine.

FGV juga katanya, telah me-mulakan penanaman nanas MD2 dan pisang Cavendish di CAV.

"Selain menawarkan pelu-ang pekerjaan dalam syarikat, FGV turut menyediakan pe-luang untuk penduduk di Perlis menjadi petani kontrak di atas tanah milik FGV di NAEZ," je-lasnya.